



**KENYATAAN MEDIA  
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**PENGURUSAN KEMATIAN DAN PENGEBUMIAN BAGI INDIVIDU BUKAN  
BERAGAMA ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
(BUKAN WABAK COVID-19 / PENYAKIT BERJANGKIT)**

Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Pihak Berkuasa Tempatan menentukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, Pengurusan Kematian dan Pengebumian Bagi Individu Bukan Beragama Islam (Bukan Wabak Covid-19 / Penyakit Berjangkit) hendaklah:

- i) mendapatkan permit pengecualian Perintah Kawalan Pergerakan daripada Ketua Polis Daerah;
  - ii) kehadiran minima atau tidak melebihi 10 orang ahli keluarga terdekat sahaja yang telah mengisytiharkan diri mereka sihat dibenarkan mengiringi si mati ke tanah perkuburan atau tapak krematorium;
  - iii) upacara sembahyang mengikut agama / adat hendaklah dilaksanakan di rumah dan perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima **tanpa upacara perarakan**; dan
  - iv) urusan pengebumian mengikut agama / adat hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa yang paling minima.
2. Arahan ini berkuatkuasa mulai **21 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020** atau **sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditarik balik** dan terpakai di semua daerah.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK**  
**YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
**21 Mac 2020**